

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2022  
GARIS PANDUAN PETUNJUK GEOGRAFI 2022

---

SUSUNAN PERENGGAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama, tarikh kuat kuasa dan skop
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

Penggal 1

*Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi*

3. Pemfailan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi
4. Kategori barang
5. Spesifikasi barang
6. Bukti perlindungan
7. Terjemahan dan transliterasi
8. Ketidakpatuhan yang menjelaskan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi
9. Pemfailan permohonan bagi pendaftaran varian petunjuk geografi

## Penggal 2

### *Pemeriksaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi*

10. Pendaftaran petunjuk geografi homonim dan pengenaan syarat-syarat praktikal
11. Jawapan pemohon semasa pemeriksaan
12. Penyetujuterimaan dan penyiaran permohonan
13. Pembatalan penyetujuterimaan
14. Penarikan balik permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi
15. Pindaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi

## Penggal 3

### *Bangkangan*

16. Pemfailan notis bangkangan
17. Pemfailan pernyataan balas
18. Keterangan bagi menyokong bangkangan
19. Keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi
20. Keterangan balas oleh pembangkang
21. Keterangan lanjut
22. Hujahan bertulis
23. Pelanjutan masa bagi prosiding bangkangan
24. Keputusan Pendaftar dalam prosiding bangkangan
25. Pengawardan Kos

## Penggal 4

### *Pendaftaran*

26. Perakuan pendaftaran

**BAHAGIAN III**  
**PEMINDAHMILIKAN PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI**

27. Permohonan pemindahmilian pendaftaran bagi petunjuk geografi berdaftar

**BAHAGIAN IV**  
**PERMOHONAN KEPADA MAHKAMAH**

28. Pemberitahuan pengeluar-pengeluar yang mempunyai hak penggunaan

**BAHAGIAN V**  
Permintaan bagi maklumat dan pemeriksaan dokumen

29. Bentuk Daftar dan rekod Pendaftar  
30. Perakuan kesahan  
31. Permintaan bagi salinan bercetak dan lain-lain daripada Daftar, rekod Pendaftar atau sistem elektronik

**BAHAGIAN VI**  
Pemfailan dan penyampaian dokumen

32. Pemfailan dan penyampaian dokumen dan benda  
33. Pemfailan borang, dokumen dan benda secara elektronik  
34. Terma dan syarat bagi pemfailan elektronik  
35. Arahan lain untuk memfailkan borang, dokumen atau benda oleh Pendaftar

**BAHAGIAN VII**  
Alamat penyampaian

36. Pemberian alamat penyampaian  
37. Alamat Penyampaian

**BAHAGIAN VIII**  
**Pendaftaran Ejen**

**Penggal 1**  
*Pendaftaran Ejen*

- 38. Daftar Ejen Petunjuk Geografi
- 39. Pendaftaran Ejen
- 40. Peperiksaan ejen petunjuk geografi
- 41. Perkongsian dan pertubuhan perbadanan boleh didaftarkan sebagai ejen
- 42. Pembaharuan pendaftaran ejen
- 43. Pembatalan sukarela pendaftaran ejen
- 44. Pertukaran nama atau alamat penyampaian ejen
- 45. Kematian ejen

**Penggal 2**  
*Pelantikan dan pemberian kuasa ejen*

- 46. Ejen boleh bertindak bagi pihak pemohon dsb. bagi maksud Akta
- 47. Pelantikan dan pemberian kuasa ejen
- 48. Pendaftar boleh menolak untuk mengiktiraf ejen
- 49. Pemfailan penamatan pelantikan dan pemberian kuasa ejen
- 50. Pemfailan notis niat untuk berhenti untuk bertindak

**BAHAGIAN IX**  
**Pelbagai**

- 51. Fi
- 52. Borang
- 53. Akuan berkanun
- 54. Permohonan untuk meminda dokumen, dsb.
- 55. Penghidupan semula permohonan, hak atau benda
- 56. Penentuan terma yang lazim dalam bahasa umum sebagai nama umum barang yang berkaitan
- 57. Perakuan Pendaftar
- 58. Hari-hari Dikecualikan

59. Hari terganggu
60. Pengiraan tempoh masa

**JADUAL PERTAMA**

**JADUAL KEDUA**

**JADUAL KETIGA**

**JADUAL KEEMPAT**

## AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2022

## GARIS PANDUAN PETUNJUK GEOGRAFI 2022

GARIS PANDUAN ini dikeluarkan dalam menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar oleh Seksyen 95 Akta Petunjuk Geografi 2022 [*Akta 836*].

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Nama, tarikh kuat kuasa dan skop**

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Petunjuk Geografi 2022.  
  
(2) Garis Panduan ini akan berkuatkuasa pada 18 Mac 2022 sehingga notis lanjut dikeluarkan oleh Pendaftar.  
  
(3) Garis Panduan ini menyatakan kehendak bagi semua perkara yang berhubungan dengan suatu permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi atau apa-apa prosedur yang berhubungan dengan suatu petunjuk geografi berdaftar.  
  
(4) Peruntukan Akta Petunjuk Geografi 2022, Peraturan Petunjuk Geografi 2022 dan Garis Panduan ini membentuk rangka kerja kawal selia bagi undang-undang petunjuk geografi di Malaysia yang hendaklah dibaca bersama secara serentak.  
  
(5) Bagi membantu tafsiran kehendak-kehendak di bawah Garis Panduan ini dan pemakaianya, penjelasan, contoh atau ilustrasi telah dimasukkan, jika bersesuaian. Apa-apa tindakan yang berlainan daripada penjelasan, contoh atau ilustrasi boleh diambil kira oleh Pendaftar dalam menentukan

pematuhan Garis Panduan ini serta Akta Petunjuk Geografi 2022 dan Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2022.

## **Tafsiran**

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta yang dimansuhkan” ertinya Akta Petunjuk Geografi 2000;

“ejen” ertinya seorang ejen petunjuk geografi yang berdaftar yang namanya dimasukkan dalam Daftar Ejen Petunjuk Geografi;

“fi yang ditetapkan” ertinya fi yang disebutkan dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan;

“Garis Panduan ini” ertinya Garis Panduan Petunjuk Geografi 2022;

“Jurnal” ertinya Jurnal Rasmi Harta Intelek yang dinyatakan di bawah seksyen 85 Akta tersebut; dan

“Peraturan-Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2022.

## **BAHAGIAN II**

### **PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI**

#### **Penggal 1**

*Permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi*

#### **Pemfailan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

3. (1) Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 8 Akta dan peraturan 5 Peraturan-Peraturan, mana-mana orang boleh memfailkan suatu permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi dengan Pendaftar, bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi:GIA1) dengan menyatakan—

- (a) butir-butir pemohon:

- (i) nama dan alamat;
- (ii) alamat penyampaian;
- (iii) kewarganegaraan atau negara pertubuhan pemohon; dan
- (iv) butir-butir pemohon yang lain bagi membolehkan pemohon dihubungi;

Nota:

Seorang pemohon di bawah perenggan ini hendaklah memenuhi kehendak sama ada di bawah perenggan 8(5)(a) atau 8(5)(b) Akta.

Contoh suatu persatuan:

Persatuan Pengusaha Kek Lapis Sarawak

Contoh suatu pihak berkuasa yang berwibawa:

Kraftangan Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 [*Akta 222*].

- (b) kapasiti pemohon dalam memfailkan permohonan bagi pendaftaran dan jika—
  - (i) berhubung dengan mana-mana pemohon yang merupakan suatu persatuan, nama dan alamat ahli persatuan; atau
  - (ii) berhubung dengan mana-mana pemohon yang merupakan suatu pihak berkuasa yang berwibawa, nama dan alamat pengeluar-pengeluar di bawah kawalan pihak berkuasa yang berwibawa tersebut;
- (c) petunjuk geografi yang mana pendaftaran dimohon;

Contoh petunjuk geografi yang mengandungi perkataan atau perkataan-perkataan:

(1) Petunjuk geografi : SARAWAK PEPPER

No. Pendaftaran : GI2003-00001

Tuan Punya berdaftar: Malaysian Pepper Board

(2) Petunjuk geografi : HALIA BENTONG

No. Pendaftaran. : GI2013-00010

Tuan Punya berdaftar: PEJABAT PERTANIAN DAERAH BENTONG

Contoh petunjuk geografi yang mengandungi jenis-jenis petunjuk yang lain:

(1) Petunjuk geografi : ROQUEFORT CHEESE

No. Pendaftaran : PDO-FR-0131

Tuan Punya berdaftar: Confédération Générale des Producteurs de lait de Brebis et des industriels de Roquefort

(2) Petunjuk geografi : KAMPOT PEPPER

No. Pendaftaran : PGI-KH-1263

Tuan Punya berdaftar: Kampot Pepper Promotion Association (KPPA)

(d) kawasan geografi yang mana petunjuk geografi terpakai;

Contoh kawasan geografi:



Petunjuk Geografi : KAMPOT PEPPER

No. Pendaftaran : PGI-KH-1263

Tuan Punya berdaftar : Kampot Pepper Promotion Association (KPPA)

(e) barang bagi pendaftaran petunjuk geografi;

Nota:

Barang yang boleh didaftarkan di bawah Akta ini adalah disenaraikan di bawah Jadual Pertama Garis Panduan ini.

- (f) kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain barang, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada dasarnya boleh dikaitkan dengan tempat asal barang itu;
- (g) jika petunjuk geografi yang pendaftarannya dimohon berhubungan dengan suatu negara selain Malaysia, keterangan bahawa petunjuk geografi itu telah mendapat perlindungan sebagai suatu petunjuk geografi di negara atau wilayah asalnya, jika terpakai; dan

Contoh keterangan yang diterima oleh Pendaftar:

- (i) Sijil pendaftaran di negara atau wilayah asal
- (ii) Surat daripada pihak berkuasa yang berwibawa di negara atau wilayah asal

- (h) apa-apa butir-butir lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1)(c), pemohon hendaklah mengemukakan suatu representasi yang jelas dan tahan lama bagi petunjuk geografi dalam ruangan yang disediakan untuk tujuan itu dalam permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi itu.

### Kategori barang

4. (1) Bagi maksud subperenggan 4(1)(e), setiap permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi hendaklah mengandungi nombor kelas barang dan perihalan barang sebagaimana yang diperuntukkan dalam kategori barang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1), permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi itu hendaklah berkenaan dengan barang dalam satu kelas sahaja sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan permohonan bagi

pendaftaran petunjuk geografi untuk petunjuk geografi yang sama dalam kelas-kelas berlainan hendaklah dikira sebagai permohonan-permohonan yang berasingan dan berbeza.

### **Spesifikasi barang**

5. (1) Bagi maksud subperenggan-subperenggan 4(1)(d) dan (f), setiap permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi hendaklah mengandungi kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain barang yang dikenalpasti oleh petunjuk geografi bagi perkara-perkara yang berikut:
- (a) kawasan geografi;
  - (b) ciri-ciri fizikal barang yang boleh termasuk warna, bentuk, tekstur, saiz, berat dan rasa;
  - (c) bukti tempat asal;
  - (d) perkaitan di antara kawasan geografi dan suatu kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain khusus barang yang boleh termasuk sejarah, keunikan, faktor manusia, faktor kawasan tempatan, faktor iklim, faktor tanah atau apa-apa faktor lain yang berhubungan dengannya;
  - (e) langkah-langkah khusus atau teknik pemprosesan dalam pengeluaran yang hendaklah berlaku di kawasan geografi yang dikenal pasti;
  - (f) perihalan pelabelan, jika ada;
  - (g) award atau pengiktirafan daripada badan yang diberi kuasa, jika ada;

- (h) badan pemeriksa atau pihak berkuasa yang mengesahkan pematuhan spesifikasi barang, jika ada.

### **Bukti perlindungan**

6. Bagi maksud subperenggan 4(1)(g), jika pemohon itu memfailkan suatu permohonan bagi pendaftaran berdasarkan suatu petunjuk geografi yang dilindungi di negara atau wilayah asalnya, pemohon hendaklah memfailkan suatu salinan sijil, dokumen atau bukti perlindungan yang hendaklah menyatakan—
- (a) tarikh perlindungan petunjuk geografi di negara atau wilayah asalnya; dan
- (b) barang yang mana perlindungan petunjuk geografi itu berhubungan.

### **Terjemahan dan transliterasi**

7. (1) Jika suatu petunjuk geografi berdaftar mengandungi atau terdiri daripada suatu perkataan yang bukan dalam huruf Rumi, atau bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pemohon itu hendaklah, melainkan Pendaftar mengarahkan sebaliknya, apabila memfailkan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi, memberi Pendaftar maklumat yang berikut:
- (a) terjemahan perkataan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris;
- (b) transliterasi perkataan, jika ianya dikehendaki; dan
- (c) bahasa asal perkataan itu.
- (2) Pendaftar boleh, jika tidak berpuas hati dengan terjemahan atau transliterasi, menghendaki pemohon untuk memfailkan suatu salinan terjemahan atau transliterasi, diperaku atau ditentusahkan sehingga Pendaftar berpuas hati dalam tempoh masa seperti yang dinyatakan dalam notis bertulis.

- (3) Jika pemohon itu gagal untuk memberikan suatu salinan terjemahan atau transliterasi, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

**Ketidakpatuhan yang menjaskan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

8. (1) Jika suatu permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi tidak mematuhi seksyen 8 Akta, peraturan 5 atau perenggan 3 hingga 7, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu penolakan sementara dalam suatu notis bertulis kepada pemohon untuk meremedi apa-apa ketidakpatuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis.
- (2) Jika pemohon gagal untuk meremedi ketidakpatuhan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subperenggan (1), permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik.
- (3) Sebelum tamat tempoh untuk meremedi ketidakpatuhan itu, pemohon itu boleh memohon, untuk suatu pelanjutan masa untuk suatu tempoh tidak melebihi dua bulan bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA17).

**Pemfailan permohonan bagi pendaftaran varian petunjuk geografi**

9. (1) Seorang pemohon yang ingin memohon bagi pendaftaran suatu varian petunjuk geografi hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA1).
- (2) Pemohon itu hendaklah menyatakan dalam borang permohonan di bawah subperenggan (1) bahawa permohonan itu adalah suatu varian bagi suatu petunjuk geografi yang terdahulu dan hendaklah menyatakan:
- (a) petunjuk geografi yang terdahulu itu; dan

- (b) nombor pendaftaran atau nombor permohonan bagi petunjuk geografi yang terdahulu itu.
- (3) Kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah perenggan-perenggan 3 hingga 7 hendaklah terpakai bagi pemohon yang memfaiklkan suatu permohonan bagi pendaftaran suatu varian petunjuk geografi di bawah perenggan (1).

<p>Nota:</p> <p>Contoh-contoh varian adalah seperti berikut:</p>		
Permohonan utama:	Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (1):	Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (2):
<p>Petunjuk geografi:</p>  <p>No. Pendaftaran: PGI-IN-0659 Tuan punya berdaftar: Tea Board of India Barang: Teh</p>	<p>Petunjuk geografi:</p>  <p>No. Pendaftaran: PGI-IN-0659 Tuan punya berdaftar: Tea Board of India Barang: Teh</p>	<p>Petunjuk geografi: <b>DARJEELING TEA</b></p> <p>No. Pendaftaran.: G.I-1 Tuan punya berdaftar: Tea Board of India Barang: Teh</p>

<p>Nota:</p> <p>Contoh-contoh varian adalah seperti berikut:</p>		
Permohonan utama:	Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (1):	Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (2):
<p>Petunjuk geografi:</p>  <p>No. Pendaftaran: IDG 000000045</p> <p>Tuan punya berdaftar: Association Consorzio per la Tutela del Formaggio Grana Padano</p> <p>Barang: Keju</p>	<p>Petunjuk geografi:</p> <p>GRANA PADANO</p> <p>No. Pendaftaran: PDO-IT-0011</p> <p>Tuan punya berdaftar: Association Consorzio per la Tutela del Formaggio Grana Padano</p> <p>Barang: Keju</p>	

Nota:

Contoh-contoh varian adalah seperti berikut:

Permohonan utama:	Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (1):	Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (2):
Petunjuk geografi:  	Petunjuk geografi:  	

No. Pendaftaran: 5248298

Tuan punya berdaftar:

William Grant & Sons Limited

Barang: Scotch whisky and Scotch whisky based liqueurs

Permohonan bagi pendaftaran suatu varian (1):

Petunjuk geografi:

No. Pendaftaran: 5248298

Tuan punya berdaftar:

William Grant & Sons Limited

Barang: Alcoholic beverages, except beer and alcoholic beverages primarily derived from herbal extracts or containing herbal extracts as the primary ingredient

## Penggal 2

### *Pemeriksaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi*

#### **Pendaftaran petunjuk geografi homonim dan pengenaan syarat-syarat praktikal**

- 10.** Jika suatu permohonan dibuat bagi pendaftaran petunjuk geografi yang merupakan suatu petunjuk geografi homonim berhubung dengan suatu petunjuk geografi terdahulu, Pendaftar hendaklah memaklumkan pihak-pihak berkenaan secara bertulis tentang keputusan Pendaftar mengenai syarat praktikal yang akan dikenakan kepada pendaftaran petunjuk geografi seperti berikut:
- (a) kawasan geografi barang yang dikeluarkan oleh pemohon (pihak-pihak);
  - (b) bungkusan atau cara gaya barang;
  - (c) ciri-ciri lain barang; dan
  - (d) apa-apa perkara lain yang Pendaftar fikirkan patut .

#### **Jawapan pemohon semasa pemeriksaan**

- 11. (1)** Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan suatu petunjuk geografi di bawah subseksyen 12(3) Akta, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu penolakan sementara dalam notis bertulis yang hendaklah juga mengandungi alasan-alasan bagi penolakan sementara yang boleh dijawab oleh pemohon—
- (a) dengan membuat representasi sama ada secara bertulis, atau dengan memohon kepada Pendaftar untuk suatu pendengaran bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA5);
  - (b) dengan meminda permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi supaya memenuhi apa-apa syarat, pindaan, ubah suaian atau pengehadan yang dikenakan atau diarahkan oleh Pendaftar melalui suatu permohonan untuk meminda permohonan bagi pendaftaran

petunjuk geografi bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA2); atau

- (c) dengan memberikan maklumat atau keterangan tambahan atau apa maklumat atau keterangan lain melalui suatu akuan berkanun atau, *viva voce* sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada akuan berkanun itu.
- (2) Pemohon boleh memohon bagi suatu pelanjutan masa bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA17) untuk melanjutkan masa yang dinyatakan oleh Pendaftar dalam notis bertulis di bawah subperenggan (1) untuk suatu tempoh tidak melebihi enam bulan.
- (3) Apabila menerima permohonan untuk suatu pendengaran, Pendaftar hendaklah memberikan suatu notis kepada pemohon untuk menetapkan tarikh Pendaftar akan mendengar representasi pemohon.
- (4) Selepas menimbangkan jawapan pemohon, Pendaftar hendaklah menerima atau menolak untuk mendaftarkan petunjuk geografi itu.
- (5) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan petunjuk geografi itu, penolakan itu hendaklah diberitahu kepada pemohon secara bertulis.
- (6) Pemohon boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh pengeluaran keputusan penolakan itu di bawah subperenggan (5), memfailkan suatu permintaan bagi alasan bertulis Pendaftar bagi keputusan penolakan itu bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA6).
- (7) Pendaftar tidak boleh membenarkan suatu pelanjutan masa bagi maksud subperenggan (6).

- (8) Tarikh alasan bertulis Pendaftar bagi keputusan penolakan yang dikeluarkan kepada pemohon hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.
- (9) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh alasan bertulis Pendaftar bagi keputusan penolakan itu dikeluarkan kepada pemohon.

#### **Penyetujuterimaan dan penyiaran permohonan**

12. (1) Selepas memeriksa suatu permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi, jika Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan memenuhi kehendak bagi pendaftaran, Pendaftar boleh menerima permohonan sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat, pindaan, pengubahsuaian atau pengehadan.
- (2) Selepas penyetujuterimaan di bawah subperenggan (1), Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu notis setuju terima kepada pemohon untuk membuat pembayaran fi yang ditetapkan bagi penyiaran (Kod Fi: GIA7) dan jika pemohon tidak membayar fi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis setuju terima, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik.
- (3) Bagi maksud subperenggan (2), pemohon boleh memohon untuk suatu pelanjutan masa bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA17) untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan oleh Pendaftar dalam notis setuju terima bagi tempoh tidak melebihi enam bulan.
- (4) Apabila menerima pembayaran fi yang ditetapkan yang dinyatakan dalam subperenggan (2) atau (3), sebagai tambahan kepada perkara-perkara di bawah subseksyen 14(2) Akta, Pendaftar hendaklah menyiarkan permohonan itu dalam Jurnal dengan menyatakan—
- (a) petunjuk geografi bagi pendaftaran yang dimohon;

- (b) tarikh pemfailan dan nombor permohonan;
- (c) nama, alamat dan kewarganegaraan atau negara pertubuhan pemohon, dan kapasiti pemohon dalam memfailkan permohonan bagi pendaftaran;
- (d) nama dan alamat penyampaian ejen, jika ada;
- (e) persempadanan kawasan geografi yang digunakan oleh petunjuk geografi;
- (f) barang bagi petunjuk geografi yang didaftarkan; dan
- (g) kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain barang bagi petunjuk geografi yang didaftarkan.

### **Pembatalan penyetujuterimaan**

- 13.** (1) Jika menurut subseksyen 12(11) Akta, penyetujuterimaan bagi pendaftaran petunjuk geografi dibatalkan, Pendaftar hendaklah menyiarkan pembatalan tersebut dalam Jurnal dan mengeluarkan suatu notis bertulis bagi penolakan sementara kepada pemohon.
- (2) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan suatu petunjuk geografi, pemohon boleh, dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis bertulis, menjawab—
- (a) dengan membuat representasi melalui hujahan bertulis, atau dengan memohon kepada Pendaftar untuk pendengaran bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA5);
  - (b) dengan meminda permohonan itu supaya memenuhi apa-apa syarat, pindaan, pengubahsuaian atau pengehadan yang dikenakan atau

diarahkan oleh Pendaftar melalui pemfailan suatu permohonan untuk meminda permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA2); atau

- (c) dengan memberikan maklumat atau keterangan tambahan atau apa-apa maklumat atau keterangan lain melalui suatu akuan berkanun atau, *viva voce* sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada akuan berkanun itu.
- (3) Permohonan hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik jika pemohon tidak menjawab dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.
- (4) Apabila menerima permohonan untuk suatu pendengaran di bawah perenggan (2)(a), Pendaftar hendaklah memberikan suatu notis kepada pemohon bagi tarikh yang telah ditetapkan oleh Pendaftar untuk mendengar representasi pemohon.
- (5) Selepas mempertimbangkan jawapan pemohon, Pendaftar hendaklah menyetuju terima atau menolak untuk mendaftarkan petunjuk geografi.
- (6) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan suatu petunjuk geografi, penolakan tersebut hendaklah diberitahu kepada pemohon secara bertulis.
- (7) Pemohon boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh pengeluaran keputusan penolakan di bawah subperenggan (6), memfailkan suatu permintaan bagi alasan bertulis bagi penolakan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA6).
- (8) Pendaftar tidak boleh membenarkan suatu pelanjutan masa bagi maksud subperenggan (7).

- (9) Tarikh alasan bertulis bagi penolakan Pendaftar dikeluarkan kepada pemohon hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.
- (10) Sebarang rayuan kepada Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh alasan bertulis bagi penolakan Pendaftar yang telah dikeluarkan kepada pemohon.

#### **Penarikan balik permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

14. Menurut subseksyen 15(1) Akta dan peraturan 6 Peraturan-Peraturan, pemohon boleh memohon bagi penarikan balik permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA22).

#### **Pindaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

15. Menurut subseksyen 15(1) Akta dan peraturan, pemohon boleh meminda permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Fi Kod: GIA2).

Penggal 3

*Bangkangan*

#### **Pemfailan notis bangkangan**

16. (1) Sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 16(1) Akta dan peraturan 7 Peraturan-peraturan, mana-mana orang yang berkepentingan boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penyiaran penyetujuterimaan permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi tersebut, memfailkan suatu notis bangkangan terhadap permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi dengan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA8).

- (2) Bagi maksud pemfailan suatu notis bangkangan di bawah subperenggan (1), Pendaftar hendaklah tidak membenarkan suatu pelanjutan masa untuk lebih

daripada dua bulan selepas habis tempoh masa bagi pemfailan notis bangkangan.

- (3) Jika suatu notis bangkangan difailkan berasaskan suatu petunjuk geografi berdaftar atau cap dagangan berdaftar, hendaklah dimasukkan dalam pernyataan alasan bangkangan itu suatu representasi petunjuk geografi atau cap dagangan itu dan butir-butir berikut:
  - (a) butir-butir mengenai kuasa yang dengannya petunjuk geografi atau cap dagangan itu didaftarkan;
  - (b) nombor pendaftaran petunjuk geografi atau cap dagangan itu; dan
  - (c) barang yang berkenaan dengannya petunjuk geografi atau cap dagangan itu didaftarkan dan bangkangan itu diasaskan.
- (4) Jika bangkangan itu berasaskan suatu petunjuk geografi atau cap dagangan yang berkenaan dengannya suatu permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi atau cap dagangan telah dibuat, hendaklah dimasukkan dalam pernyataan alasan bangkangan itu suatu representasi petunjuk geografi atau cap dagangan itu dan butir-butir dalam subperenggan (3)(a) hingga (c).
- (5) Jika bangkangan itu berasaskan petunjuk geografi yang tidak berdaftar atau cap dagangan yang tidak berdaftar, hendaklah dimasukkan dalam pernyataan alasan bangkangan itu suatu representasi petunjuk geografi atau cap dagangan dan barang yang berkenaan dengannya perlindungan itu dituntut.
- (6) Jika pembangkang gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak yang berhubungan dengan notis bangkangan itu, bangkangan itu hendaklah disifatkan sebagai tidak pernah dibuat.
- (7) Pembangkang hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan notis bangkangan, menyampaikan notis bangkangan itu kepada pemohon bersama

dengan pernyataan alasan bangkangan dan kegagalan untuk berbuat demikian hendaklah menyebabkan bangkangan itu disifatkan sebagai tidak pernah dibuat.

#### **Pemfailan pernyataan balas**

17. (1) Sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 16(4) Akta dan peraturan 8 Peraturan-peraturan, pemohon hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan notis bangkangan daripada pembangkang, memfailkan suatu pernyataan balas dengan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA9).
- (2) Pemohon hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan pernyataan balas itu, menyampaikan satu salinan pernyataan balas kepada pembangkang.

#### **Keterangan bagi menyokong bangkangan**

18. (1) Sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 16(7) Akta dan peraturan 9 Peraturan-peraturan, pembangkang hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan pernyataan balas, memfailkan keterangan itu melalui akuan berkanun bagi menyokong bangkangan itu dengan Pendaftar.
- (2) Pembangkang hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan bagi menyokong bangkangan itu, menyampaikan satu salinan keterangan itu kepada pemohon.

#### **Keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi**

19. (1) Sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 16(7) Akta dan peraturan 10 Peraturan-peraturan, pemohon hendaklah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan keterangan yang menyokong bangkangan, memfailkan keterangan itu melalui akuan berkanun bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi dengan Pendaftar.

- (2) Pemohon hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi, menghantar satu salinan keterangan itu kepada pembangkang.

#### **Keterangan balas oleh pembangkang**

20. (1) Sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 16(9) Akta dan peraturan 11 Peraturan-Peraturan, pembangkang boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh penerimaan keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi, memfailkan keterangan balas itu melalui akuan berkanun dengan Pendaftar.
- (2) Pembangkang hendaklah, pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan balas, menyampaikan satu salinan keterangan balas itu kepada pemohon.
- (3) Keterangan balas hendaklah dihadkan hanya kepada perkara-perkara yang semata-mata membalias keterangan bagi menyokong permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi.

#### **Keterangan lanjut**

21. Sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 12 Peraturan-Peraturan, tiada keterangan lanjut boleh difaiklan oleh pembangkang atau pemohon melainkan dengan kebenaran Pendaftar dan atas apa-apa terma mengenai kos, atau selainnya sebagaimana yang Pendaftar fikirkan patut.

#### **Hujahan bertulis**

22. Sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 13 Peraturan-Peraturan, apabila selesai pemfailan keterangan termasuk apa-apa ekshibit di bawah peraturan 9, 10, 11 dan 12, pembangkang dan pemohon boleh, dalam tempoh dua bulan dari tarikh pengeluaran notis oleh Pendaftar, memfailkan hujahan bertulis kepada Pendaftar.

### **Pelanjutan masa bagi prosiding bangkangan**

23. (1) Sebagaimana dinyatakan dalam peraturan 14 Peraturan-Peraturan, Pendaftar boleh memberikan suatu pelanjutan masa atas permintaan oleh pembangkang atau pemohon bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA17).
- (2) Permintaan untuk suatu pelanjutan masa boleh dimohon bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan kecuali bagi subperenggan 16(2).
- (3) Jika suatu permintaan pelanjutan masa diminta oleh pembangkang atau pemohon, pihak yang memohon pelanjutan masa hendaklah, pada masa yang sama permohonan pelanjutan masa itu diminta, memaklumkan kepada pihak lain dalam prosiding bahawa suatu permintaan bagi pelanjutan masa telah difaiklan dengan Pendaftar.

### **Keputusan Pendaftar dalam prosiding bangkangan**

24. (1) Sebaik selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 22, Pendaftar hendaklah menimbangkan keterangan, ekhibit dan apa-apa hujahan bertulis dan boleh dalam tempoh dua bulan menyampaikan keputusannya menurut subseksyen 16(11) Akta dan alasan keputusannya secara bertulis kepada pihak-pihak kepada prosiding bangkangan itu.
- (2) Tarikh alasan bertulis bagi keputusan Pendaftar yang dikeluarkan kepada pihak-pihak hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.
- (3) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh yang disebut di bawah subperenggan (2).

## **Pengawardan Kos**

- 25.** Jadual pengawardan kos apabila selesai prosiding bangkangan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

Penggal 4

*Pendaftaran*

## **Perakuan pendaftaran**

- 26. (1)** Apabila pendaftaran suatu petunjuk geografi dibuat di bawah seksyen 17 Akta, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang mengandungi perkara yang disebut dalam peraturan 15 Peraturan-Peraturan.

(2) Menurut subseksyen 75(1), tuan punya berdaftar boleh memohon untuk suatu salinan perakuan pendaftaran di bawah subperenggan (1) bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA33) apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

(a) perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1) telah hilang atau musnah di bawah keadaan yang tidak dijangka atau tidak boleh dielakkan; dan

(b) memberikan bukti untuk subperenggan (a) dalam bentuk akuan berkanun sehingga memuaskan hati Pendaftar.

### BAHAGIAN III

#### PEMINDAHMILIKAN PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

##### **Permohonan pemindahmilikan pendaftaran bagi petunjuk geografi berdaftar**

27. (1) Menurut subseksyen 26(1) Akta, seseorang tuan punya berdaftar boleh memfailkan suatu permohonan bagi pemindahmilikan pendaftaran suatu petunjuk geografi kepada seorang yang lain dengan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA15).
- (2) Jika permohonan di bawah subperenggan (1) gagal untuk dipatuhi dengan apa-apa kehendak di bawah seksyen 26 Akta, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis kepada tuan punya berdaftar untuk membuat representasi atau meremedi apa-apa ketidakpatuhan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.
- (3) Bagi maksud membuat representasi atau meremedi apa-apa ketidakpatuhan di bawah subperenggan (2), Pendaftar hendaklah memberitahu suatu pelanjutan masa tidak melebihi dua bulan selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis.
- (4) Jika tuan punya berdaftar gagal untuk mematuhi notis bertulis dalam subperenggan (2), permohonan bagi pemindahmilikan disifatkan sebagai ditarik balik.

### BAHAGIAN IV

#### PERMOHONAN KEPADA MAHKAMAH

##### **Pemberitahuan pengeluar-pengeluar yang mempunyai hak penggunaan**

28. (1) Menurut subseksyen 23(2) Akta, tuan punya berdaftar bagi petunjuk geografi hendaklah memberitahu pengeluar yang mempunyai hak penggunaan petunjuk geografi yang dinyatakan dalam Daftar mengenai apa-apa

permohonan kepada Mahkamah yang berhubungan dengan petunjuk geografi berdaftar.

- (2) Cara memberitahu pengeluar yang mempunyai hak penggunaan petunjuk geografi di bawah subperenggan (1) boleh termasuk—
  - (a) menghantar suatu surat kepada pengeluar melalui pos atau penyampaian kediri di alamat penyampaian yang dinyatakan dalam Daftar atau rekod Pendaftar; atau
  - (b) komunikasi melalui cara elektronik jika butir-butir untuk dihubungi tersedia dalam Daftar atau rekod Pendaftar.
- (3) Apabila diberitahu seperti yang dinyatakan di bawah subperenggan (1), pengeluar yang mempunyai hak penggunaan petunjuk geografi seperti yang dinyatakan dalam Daftar boleh memohon kebenaran untuk menyertai apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 23(3) Akta.

## BAHAGIAN V

### PERMINTAAN BAGI MAKLUMAT DAN PEMERIKSAAN DOKUMEN

#### **Bentuk Daftar dan rekod Pendaftar**

29. (1) Daftar dan rekod Pendaftar hendaklah mengandungi perkara dan butir-butir sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 16 dan 17 Peraturan-Peraturan.
- (2) Daftar dan rekod Pendaftar boleh disimpan secara elektronik.

## **Perakuan kesahan**

- 30.** (1) Jika Mahkamah telah memperakui kesahan suatu petunjuk geografi berdaftar seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 73 Akta, tuan punya berdaftar bagi petunjuk geografi boleh memfailkan suatu permintaan untuk merekodkan perakuan kesahan itu bersama dengan fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA13).
- (2) Apabila memfailkan permintaan di bawah subperenggan (1), tuan punya berdaftar hendaklah memberikan perintah atau keputusan Mahkamah bersama dengan permintaan itu.

## **Permintaan bagi salinan bercetak dan lain-lain daripada Daftar, rekod Pendaftar atau sistem pemfailan elektronik**

- 31.** (1) Menurut subseksyen 75(5) dan 76(1) Akta, mana-mana orang boleh meminta daripada Pendaftar apa-apa perkara berikut bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan:
- (a) suatu salinan bercetak atau salinan bertulis atau cabutan daripada Daftar yang diperakui berkenaan dengan suatu petunjuk geografi berdaftar (Kod Fi: GIA29);
  - (b) suatu salinan diperakui bagi apa-apa borang, maklumat atau dokumen, yang difailkan dengan Pendaftar atau dikeluarkan oleh Pendaftar, daripada sistem elektronik (Kod Fi: GIA31);
  - (c) salinan bercetak atau salinan bertulis atau cabutan daripada Daftar yang tidak diperakui berkenaan dengan suatu petunjuk geografi berdaftar (Kod Fi: GIA30);
  - (d) salinan yang tidak diperakui bagi apa-apa borang, maklumat atau dokumen yang difailkan dengan Pendaftar atau dikeluarkan oleh Pendaftar, daripada sistem pemfailan selektronik (Kod Fi: GIA32);

- (e) maklumat yang dibenarkan bagi apa-apa catatan dalam Daftar atau rekod Pendaftar (Kod Fi: GIA35);
- (2) Bagi maksud meminta apa-apa borang, maklumat atau dokumen di bawah subperenggan (1)(b) atau (1)(d), orang yang meminta hendaklah—
- (a) membuktikan bahawa dia adalah tuan punya borang, maklumat atau dokumen; atau
- (b) memberikan bukti persetujuan pengeluaran borang, maklumat atau dokumen itu daripada tuan punya borang, maklumat atau dokumen.

## BAHAGIAN VI

### PEMFAILAN DAN PENYAMPAIAN DOKUMEN

#### **Pemfailan dan penyampaian dokumen dan benda**

32. (1) Apa-apa borang, dokumen atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta, Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan ini untuk difailkan, hendaklah diserahkan melalui serahan tangan kepada Pejabat Petunjuk Geografi pada waktu perniagaan biasa atau dihantar kepada Pendaftar melalui pos.
- (2) Penghantaran melalui pos hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan dengan pengalaman sepatutnya, menyediakan dan mengepos suatu surat yang mengandungi borang, dokumen atau benda, dengan bayaran pos prabayar padanya, kepada Pendaftar di Pejabat Petunjuk Geografi dan borang, dokumen atau benda itu hendaklah disifatkan telah diterima pada masa apabila borang, dokumen atau benda itu sebenarnya diterima di Pejabat Petunjuk Geografi.

- (3) Pemfailan suatu borang, dokumen atau benda dengan Pejabat Petunjuk Geografi hendaklah disifatkan telah dilakukan pada masa itu sepetimana yang diterima di Pejabat dan direkodkan sebagai diterima.

**Pemfailan borang, dokumen dan benda secara elektronik**

33. (1) Pendaftar boleh menyediakan suatu perkhidmatan bagi pemfailan borang, dokumen atau benda secara elektronik yang diperlukan atau dibenarkan oleh Akta, Peraturan-Peraturan atau Garis Panduan ini untuk difailkan di Pejabat Petunjuk Geografi.
- (2) Seseorang yang berniat untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan di bawah subperenggan (1) hendaklah mematuhi terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan amalan yang dikeluarkan oleh Pendaftar.
- (3) Suatu borang, dokumen atau benda yang difailkan secara elektronik di bawah Akta, Peraturan-Peraturan atau Garis Panduan ini hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan pada masa borang, dokumen atau benda itu diterima oleh sistem pemfailan elektronik.
- (4) Jika apa-apa borang, dokumen atau benda yang disertakan tidak berupaya difailkan secara elektronik, borang, dokumen atau benda yang disertakan itu boleh diserahkan atau dihantar kepada Pendaftar dengan cara yang dinyatakan dalam perenggan 32, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar.
- (5) Pendaftar boleh pada bila-bila masa—
- (a) menahan perkhidmatan bagi pemfailan elektronik borang, dokumen atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta, Peraturan-Peraturan atau Garis Panduan ini di bawah subperenggan (1) untuk tempoh masa yang Pendaftar fikirkan patut; dan

- (b) menyambung semula perkhidmatan pemfailan elektronik.

### **Terma dan syarat bagi pemfailan elektronik**

**34.** (1) Tanpa mengehadkan keluasan perenggan 33, terma dan syarat bagi pemfailan elektronik hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) tatacara yang perlu dipatuhi bagi pemfailan elektronik borang, dokumen dan benda;
  - (b) format atau media yang mana suatu borang, dokumen atau benda akan direkodkan atau disimpan bagi maksud pemfailan elektronik;
  - (c) cara untuk mengesahkan suatu borang, dokumen atau benda yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani, dimeterai atau diperakui, termasuk kehendak untuk suatu tandatangan digital atau elektronik orang yang memfailkan borang, dokumen atau benda itu; dan
  - (d) tindakan yang perlu diambil dalam keadaan berlaku suatu gangguan dalam proses melaksanakan suatu pemfailan elektronik.
- (2) Walau apa pun perenggan 33, Pendaftar boleh menolak untuk menerima atau untuk mendaftarkan apa-apa borang, dokumen atau benda yang difailkan secara elektronik jika-
- (a) maklumat yang terkandung dalam borang, dokumen atau benda itu tidak berupaya dipaparkan dalam suatu bentuk yang boleh dibaca;
  - (b) rekod elektronik bagi borang, dokumen atau benda itu tidak berupaya untuk disimpan dalam sistem pemfailan elektronik;
  - (c) rekod elektronik bagi borang, dokumen atau benda itu ternyata kepada Pendaftar telah diubah, rosak, tidak lengkap atau dipalsukan; atau

- (d) apa-apa terma atau syarat mengenai pemfailan elektronik seperti yang dinyatakan oleh Pendaftar tidak dipatuhi.

**Arahan lain untuk memfailkan borang, dokumen atau benda oleh Pendaftar**

35. Walau apa pun cara pemfailan di bawah perenggan 32 dan 33, dalam apa-apa keadaan yang tidak dijangka atau tidak boleh dielakkan, Pendaftar boleh mengeluarkan suatu arahan amalan yang perlu dipatuhi oleh mana-mana orang, pemohon, pembangkang atau tuan punya berdaftar yang mengarahkan pemfailan apa-apa borang, dokumen atau benda dengan Pendaftar.

**BAHAGIAN VII**

**ALAMAT PENYAMPAIAN**

**Pemberian alamat penyampaian**

36. Jika mana-mana orang, oleh Akta, Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan ini, dikehendaki untuk memberikan kepada Pendaftar suatu alamat, alamat yang diberikan hendaklah dalam semua keadaan selengkap yang mungkin bagi maksud membolehkan mana-mana orang untuk mencari alamat itu.

**Alamat Penyampaian**

37. (1) Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta, Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan ini, orang berikut hendaklah memfailkan suatu alamat penyampaian dengan Pendaftar:

- (a) seorang pemohon bagi pendaftaran suatu petunjuk geografi;
- (b) mana-mana orang yang membangkang pendaftaran suatu petunjuk geografi dalam prosiding bangkangan;

- (c) seorang tuan punya berdaftar petunjuk geografi; dan
  - (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa prosiding di hadapan Pendaftar.
- (2) Bagi maksud apa-apa komunikasi dengan Pendaftar atas nama dua orang atau lebih dengan alamat yang berbeza, Pendaftar boleh menghendaki satu alamat penyampaian untuk difaiklan.
- (3) Jika orang di bawah subperenggan (1) berhasrat untuk menambah suatu alamat penyampaian, dia boleh memfailkan suatu permohonan untuk menambah suatu alamat penyampaian dengan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA27).
- (4) Apa-apa perubahan kepada alamat penyampaian orang di bawah subperenggan (1) boleh diminta dengan Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA3).

## BAHAGIAN VIII

### PENDAFTARAN EJEN

#### Penggal 1

#### *Pendaftaran Ejen*

#### **Daftar Ejen Petunjuk Geografi**

38. (1) Daftar Ejen Petunjuk Geografi hendaklah mengandungi butir-butir seseorang ejen sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 27 Peraturan-Peraturan.
- (2) Daftar Ejen Petunjuk Geografi hendaklah tersedia kepada orang awam.

### **Pendaftaran ejen**

- 39.** Suatu permohonan bagi pendaftaran sebagai seorang ejen hendaklah dibuat kepada Pendaftar mengikut kehendak yang dinyatakan dalam peraturan 28 Peraturan-Peraturan.

### **Peperiksaan ejen petunjuk geografi**

- 40.** Bagi maksud subperaturan 28(1) Peraturan-Peraturan, ejen hendaklah menduduki, dan lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Pendaftar Cap Dagangan di bawah perenggan 110(2)(f) Peraturan-peraturan Cap Dagangan 2019.

### **Perkongsian dan pertubuhan perbadanan boleh didaftarkan sebagai ejen**

- 41.** Suatu permohonan oleh suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan untuk didaftarkan sebagai ejen hendaklah dibuat kepada Pendaftar mengikut kehendak yang dinyatakan dalam peraturan 29 Peraturan-Peraturan.

### **Pembaharuan pendaftaran ejen**

- 42.** (1) Menurut perenggan 32(1)(f) Akta, suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai ejen boleh dibuat kepada Pendaftar bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA24) dalam tempoh tiga bulan sebelum tempoh pendaftaran pada 31 Disember tahun itu.
- (2) Walau apa pun subperenggan (1), seseorang ejen boleh memfailkan permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai seorang ejen di bawah subperenggan (1) sehingga 31 Januari tahun berikutnya tanpa dibatalkan dan dikeluarkan daripada Daftar Ejen Petunjuk Geografi.
- (3) Jika ejen tidak memfailkan permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai ejen di bawah subperenggan (2), ejen itu boleh memohon kepada Pendaftar untuk suatu pelanjutan masa bagi tempoh tidak melebihi enam bulan daripada 31 Januari tahun berikutnya.

- (4) Pendaftar hendaklah, apabila menerima suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai ejen dalam subperenggan (1), (2) atau (3), jika terpakai, memperbaharui pendaftaran ejen untuk suatu penggal yang akan tamat pada 31 Disember tahun itu jika ejen memenuhi kehendak di bawah subperaturan 28(1)(a), (b), (c), (d), (e) dan (f) di dalam Peraturan-Peraturan dan—
- (a) kehendak tambahan di bawah subperaturan 28(2) di dalam Peraturan-Peraturan, mengikut mana-mana yang terpakai; atau
- (b) Pendaftar berpuas hati bahawa ejen itu telah beramat sebagai ejen sekurang-kurangnya dua tahun.
- (5) Bagi maksud subperenggan (4), ejen hendaklah mengemukakan bukti yang dikehendaki apabila memfailkan permohonan di bawah subperenggan (1).
- (6) Dalam meluluskan permohonan ejen di bawah subperenggan (1), Pendaftar boleh menghendaki bukti tambahan mengenai perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (4) melalui pengeluaran notis bertulis oleh Pendaftar dan pemohon hendaklah menjawab dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis bertulis.
- (7) Jika orang itu gagal untuk menjawab notis yang dinyatakan di bawah subperenggan (6), permohonan yang difailkan di bawah subperenggan (1), (2) atau (3) hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik.
- (8) Pelanjutan masa hendaklah tidak terpakai untuk melanjutkan masa yang dinyatakan dalam notis bertulis dalam subperenggan (6).
- (9) Kehendak di bawah subperenggan (1), (2), (3), (6), (7) dan (8) hendaklah terpakai kepada suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang telah didaftarkan sebagai ejen.

(10) Tertakluk kepada subperenggan (9), Pendaftar hendaklah, apabila menerima suatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sebagai ejen oleh suatu perkongsian atau pertubuhan perbadanan, memperbaharui pendaftaran ejen jika ejen memenuhi syarat bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu atau lebih ejen.

### **Pembatalan sukarela pendaftaran ejen**

**43.** Menurut perenggan 32(1)(b) dan subseksyen 32(2) Akta, Pendaftar hendaklah membatalkan pendaftaran ejen atas permohonan ejen bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi GIA25) tertakluk kepada Pendaftar berpuas hati bahawa dia telah berhenti untuk bertindak bagi pihak mana-mana pemohon bagi pendaftaran petunjuk geografi atau tuan punya berdaftar petunjuk geografi.

### **Pertukaran nama atau alamat penyampaian ejen**

**44.** (1) Menurut perenggan 32(1)(c) Akta, dalam keadaan pertukaran suatu nama atau alamat penyampaian ejen, ejen hendaklah memberitahu Pendaftar tentang pertukaran itu dengan memfailkan suatu permohonan untuk menukar nama atau alamat penyampaian ejen dalam tempoh empat belas hari dari pertukaran itu bersama dengan pembayaran fi yang ditetapkan (Kod Fi: GIA26).

(2) Jika ejen gagal untuk memberitahu Pendaftar mengikut subperenggan (1), semua surat-menyurat yang telah dihantar kepada nama atau alamat penyampaian terdahulu hendaklah disifatkan sebagai dilakukan dan Pendaftar hendaklah tidak mengeluarkan semula apa-apa surat-menyurat yang telah disifatkan dilakukan.

### **Kematian ejen**

**45.** (1) Menurut perenggan 32(1)(d) Akta, dalam keadaan kematian seorang ejen, mana-mana orang yang mewakili ejen atau wakil undang-undang ejen itu

